

# The National Heritage Register

State(s) Party(ies)	<b>Malaysia</b>
Name of the element	<b><i>Silat</i></b>
Name of the element in the language and script of the community concerned, if applicable	<b><i>Seni Persilatan Melayu</i></b>

Reçu CLT / CIH / ITH

Le - 3 AVR. 2014


N° 0169

Reçu CLT / CIH / ITH

Le 11 AVR. 2014

N° 0223





MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 53  
No. 5

26hb-Februari 2009

*TAMBAHAN No. 24  
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 84.

## AKTA KASTAM 1967

### PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (No. 2) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 2) 2009.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 26 Februari 2009.

#### Pindaan Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977] dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian I di bawah subkepala "NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU" berhubung dengan Port Kastam "Pelabuhan Kemaman" dengan menggantikan butir-butir yang berhubung dengan Port itu yang terdapat di bawah ruang "Perihal Barang-barang" dan "Tempat Pendaratan yang sah di sisi Undang-undang" dengan butir-butir yang berikut:

#### *Perihal Barang-barang*

" (a) Semua barang

#### *Tempat pendaratan yang sah di sisi Undang-undang*

(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Kemaman yang terletak atas tanah tebus guna di Lot PT 3180

*Perihal Barang-barang**Tempat pendaratan yang sah  
di sisi Undang-undang*

(b) Mesin-mesin dan peralatan loji, papak keluli, plat keluli, bijih besi, arang kok, besi sekerap, petroleum mentah, keluaran petroleum, peralatan industri petroleum dan bahan mentah atau produk lain yang seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah

(b) Kawasan yang dikenali sebagai West Wharf yang terletak di Lot PT 3410, Mukim Teluk Kalong di dalam Mukim Kemaman yang dikendalikan oleh Sukma Samudra Sdn. Bhd.

Dibuat 13 Februari 2009  
[5 Sulit KE.HE(96)667/07-16/T SK. 35;  
Perb. 0.9060/18 Vol. 22 (SK.13) (13); PN(PU)338A/XXXII]

TAN SRI NOR MD BIN YAKOP  
*Menteri Kewangan Kedua*

## CUSTOMS ACT 1967

## CUSTOMS (AMENDMENT) REGULATIONS (No. 2) 2009

In exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the Customs (Amendment) Regulations (No. 2) 2009.

(2) These Regulations come into operation on 26 February 2009.

**Amendment of First Schedule**

2. The Customs Regulations 1977 [P.U. (A) 162/1977] are amended in the First Schedule in Part I under the subheading "STATES OF MALAYA" in relation to Customs Port "*Pelabuhan Kemaman*" by substituting for all the particulars relating to the Port appearing under columns "*Description of Goods*" and "*Legal Landing Place*" the following particulars:

<i>Description of Goods</i>	<i>Legal Landing Place</i>
“(a) All goods	(a) The wharf of the Kemaman Port Authority located on the reclaimed land at Lot PT 3180
(b) Machinery and plant equipment, steel slabs, steel plates, iron ores, coke, scrap iron, petroleum crude, petroleum products, petroleum industries equipment and such other raw materials or products as may be approved by the Director General	(b) The area known as the West Wharf situated at Lot PT 3410, Mukim of Teluk Kalong in the District of Kemaman operated by Sukma Samudra Sdn. Bhd.

Made 13 February 2009  
 [5 Sulit KE.HE(96)667/07-16/T SK. 35;  
 Perb. 0.9060/18 Vol. 22 (SK13) (13); PN(PU<sup>3</sup>)338A/XXXII]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP  
*Second Minister of Finance*

P.U. (A) 85.

#### AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005

PERINTAH WARISAN KEBANGSAAN (PERISYTIHARAN WARISAN KEBANGSAAN)  
 (WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 67(1) Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Warisan Kebangsaan (Perisytiharan Warisan Kebangsaan) (Warisan Kebudayaan tidak Ketara) 2009.

#### Warisan Kebangsaan

2. Warisan kebudayaan tidak ketara yang dinyatakan dalam Jadual yang telah diisytiharkan sebagai objek warisan dalam Perisytiharan Objek Warisan (Warisan Kebudayaan tidak Ketara) 2008 [*P.U. (B) 486/2008*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 25 Disember 2008 dan disenaraikan dalam Daftar adalah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan.



## JADUAL

**Seni pertunjukan Melayu**

Makyang  
Wayang kulit  
Bangsawan  
Sewang  
Ngajat  
Sumazan  
Dondang sayang  
Joget Melayu  
Tarian singa atas tiang  
Rumah Terbuka Malaysia  
Jalur Gemilang  
Bunga raya

Dibuat 23 Disember 2008  
[JWN.PP. 600/3/51/1/2; PN(PU<sup>3</sup>)652/III]

DATO' SERI HAJI MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL  
*Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan*

## NATIONAL HERITAGE ACT 2005

NATIONAL HERITAGE (DECLARATION OF NATIONAL HERITAGE)  
(INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE) ORDER 2009

In exercise of the powers conferred by subsection 67(1) of the National Heritage Act 2005 [Act 645], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **National Heritage (Declaration of National Heritage) (Intangible Cultural Heritage) Order 2009**.

**National Heritage**

2. The intangible cultural heritage specified in the Schedule that have been declared as heritage objects in the Declaration of Heritage Object (Intangible Cultural Heritage) 2008 [P.U. (B) 486/2008] as published in the *Gazette* on 25 December 2008 and listed in the Register are declared to be National Heritage.

## SCHEDULE

**Malay martial art**

*Makyung*  
 Shadow puppet  
 Malay opera  
*Sewang*  
*Ngajat*  
*Sumazau*  
*Dondang sayang*  
 Malay dance  
 Lion dance on the pole  
 Malaysian Open House  
 Stripes of Glory  
*Hibiscus rosa-sinensis*

Made 23 December 2008  
 [JWN.PP. 600/3/51/1/2; PN(PU<sup>2</sup>)652/III]

DATO' SERI HAJI MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL  
*Ministry of Unity, Culture, Arts and Heritage*

P.U. (A) 86.

## AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)  
 (No. 5) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967  
 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

## Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 5) 2009 dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 26 Februari 2009 hingga 11 Mac 2009.

## Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

BIL.	BUTIRAN	WARISAN		WARISAN KEBANGSAAN		PERISYTIHARAN WARISAN KEBANGSAAN (TARIKH /TEMPAT)	KLASIFIKASI	PEMILIKAN, PEMEGANG AMANAH, PENJAGA	CATATAN
		NO. WARTA	TARIKH WARTA	NO. WARTA	TARIKH WARTA				
104.	Laddu	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Kuih / Bubur)		
105.	Bubur pedas sarawak	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Kuih / Bubur)		
106.	Bubur Asyura	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Kuih / Bubur)		
107.	Bubur sum-sum	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Kuih / Bubur)		
108.	Bubur kacang hijau	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Kuih / Bubur)		
109.	Ubi kayu	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Am)		
110.	Sagu	P.U.(B) 476	18 Dis 2008	P.U.(A) 454	25 Dis 2008	14/2/2009 / Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria	Makanan (Am)		Isytihar 'Sagu Gula Melaka'
111.	Seni Persilatan Melayu	P.U.(B) 486	25 Dis 2008	P.U.(A) 85	26 Feb 2009	6/7/2007 / Parlimen	Permainan Tradisi dan Pertahanan Diri		



Reçu CLT CIH ITH  
Le 11 AVR. 2013  
N° ..... 0223 .....



Reçu CLT CIH ITH  
Le - 3 AVR. 2014  
N° ..... 0169 .....

THE DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE  
MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE

**NATIONAL HERITAGE**



Source: The Department of National Heritage

**CATEGORY** : **HERITAGE OBJECT**  
**TYPE** : **INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE**  
**HERITAGE ITEM** : **SILAT (SENI PERSILATAN MELAYU)**

## Background

Silat is a combative art of self-defense and survival rooted from Malay archipelago. It was traced at the early of Langkasuka Kingdom (2nd century CE) till the reign of Melaka (Malaysia) Sultanate era (13th century). Silat has now evolved to become part of social culture and tradition with the appearance of a fine physical and spiritual training. There are many styles of Silat which inspired by the movements of human anatomy, nature and animal in which the name of the Silat would be known, for instance, Silat Harimau (Tiger) inspired by the movement of tiger been creatively forms the art of self-defence and attack by initiating a tiger in positioning one's hands, legs and body texture movement. The imitation in an aesthetic rhythmic motion which actually portray the art of the particular Silat. There a variety of Silat styles. In Malaysia alone, there are more than 150 known Silat styles such as "Seni Silat Gayang Lima" "Seni Silat Pukul Buah" "Silat Gayong", "Silat Bunga", "Silat Melayu", "Silat Cekak", "Silat Pulut' and so on.

Silat is a martial arts that consists of bodily, spiritual, intellectual and aesthetic emotional movements. The learning of Silat fosters agility, skill, thoughtful, strategic, bold, confident, diligent, creative and courteous. The names of different types of Silat which identify each of its community is derived from the names of natural elements such as animal, plants or any existent found in the environment of Malay nature itself.

Since the occupation of Malaya (now Malaysia), silat has been marginalised from the palaces. Silat Masters consisting of former warriors continued their struggle and established informal Malay Silat institutions and transmitted the teaching and skill from generation to generation. The Malay Silat was originally possessed by warriors since the time of the Langkasuka Kingdom and the splendor of the Malay Sultanate of Melaka. They are noble fighters and law enforcement of justice in military and defense institutions. Now, the practitioners of Silat consist of Master/Guru/Teacher, Jurukaka/assistant/senior student and students regardless of gender, race, age, and background of their formal education. They are Silat practitioners who responsible for maintaining the practice of Silat and the continuation of Silat. They are members of the local community, living in the same vicinity.

Masters are responsible for educating every student. The difference between the Jurukaka and the student is that Jurukaka is a senior student who has mastered some knowledge of Malay Silat from his Master. Jurukaka is among the chosen individuals from the students and often has the potential to be a representative of the Master in training other students. Masters are individuals who are believed to have the skills and knowledge of the Silat. The position of a Master in Silat is highly respected. Master become references in the delivery of the Silat lesson and could be one of the community's leader.

## Community

Silat portrays Malay identity. The existence of Silat would not be completed without the appearance of traditional Malay attire, Silat musical instruments, and customs that are still visible in the royal ceremony. The Malay traditional merit titles such as the Raja (King), Permaisuri (Queen), Panglima (Knight), Bendahara (Prime Minister), Datuk and other titles represent the Malay culture remains in modern Malay institutions.

Silat is also a medium of exhibiting the social interaction among communities, for example, Silat often be performed during the Malay wedding ceremony, official opening ceremonies and a welcoming performance during official functions of the Malaysian government such as the King's coronation. Silat is also promoted as stage performances such as in theatrical Mek Mulong, Randai, Menora and Mak Yong prior to independence of Malaysia.

Silat teaches its practitioners to achieve a more meaningful purpose of life by doing virtue and abstaining from all the disgraceful traits that can be harmful to the community and in the spiritual and physical aspects. Silat is not only known as the traditional art of the Malays but been extended as one of the martial art sports and been accepted internationally. It is now highly sought after by the younger generation.

Through basic education, Silat reinforces the socio-cultural Malay practice. Silat is seen as a catalyst for a civilised citizen with a sense of identity and love of the country, unity, mutual respect and self-discipline. The practice of Silat contains the elements of belief, language, customs, arts and history inherited from one generation to the next. The combination of these elements has formed Silat as the core of the Malay identity.

**Association:**

**Name of the community Silat;**

**1. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)**

**PPS:0610/98**

Suite 1-57, Jalan Prima SG 3/1,  
Prima Sri Gombak,  
68100 Gombak,  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +6012 6859 523 / 603 6186 8303

Faks : +603 6187 8303

E-mail : [pesakamalaysia@yahoo.com](mailto:pesakamalaysia@yahoo.com)

Website : [www.pesakamalaysia.org.my](http://www.pesakamalaysia.org.my)

**2. Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM)**

**PPM-017-06-29102013**

No. 11, Lorong 3, Peramu Maju  
26060, Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel : +6019 527 4145 / 6012 248 5364

Email : [duniasenisilatmelayu@gmail.com](mailto:duniasenisilatmelayu@gmail.com)

Website : [www.duniasenisilatmelayu.blogspot.com](http://www.duniasenisilatmelayu.blogspot.com)

**\*Distribution of such associations / communities with various names is illustrated in Attachment A and B.**

## Published Material

- Abd Rahman Ismail. (2008). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff, Z. (2012). *Revisiting Pencak Silat: The Malay Martial Arts in Theatre Practices and Actor Training*. *Asian Theatre Journal*, 379-401.
- Abdullah, A. (2004). *Gayong Amerika: A Brief History*. Seminar Pewaris Gayong. Gombak. Kuala Lumpur: PSSGM
- Abd Rahman Ismail. (2009). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ahmad, A., & Mazlan, N. H. (2011). *Substance Abuse and Personality disorders in relation to aggression among Malaysian Juvenile Offenders*. *Malaysian Journal of Paediatrics and Child Health*.
- Anuar Abd Wahab. (1988). *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (1992). *Teknik dalam Seni Silat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat, Sejarah Perkembangan Silat Melayu Tradisi dan Pembentukan Silat Malaysia Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat, Seni Gayung Fatani*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Donn F. Draeger (1992). *Weapons and fighting arts of Indonesia*. Rutland, Vt.: Charles E. Tuttle Co. ISBN 978-0-8048-1716-5.
- Haji Mokhtar Haji Yahya. (1985). *Silat Melayu Melaka*. Melaka: Penerbitan Alambaca Sdn Bhd  
Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2011, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Megat Ainuddin Megat Mohd Nordin. (2005). *Panduan Senaman Silat Melayu Asli*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.
- O'Ong Maryono. (2002). *Pencak Silat in the Indonesian archipelago*. Yayasan Galang.
- Quintin Chambers and Donn F. Draeger. (1979). *Javanese Silat: The Fighting Art of Perisai Diri*. ISBN 0-87011-353-4.
- Sheikh Shamsuddin. (2005). *The Malay Art Of Self-defense: Silat Seni Gayong*. United States of America: North Atlantic Books.

Suffian Mansur. (2017) Mardiana binti Nordin etl, *Sejarah Tingkatan 2 KSSM*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sifu Rozli bin Ali. (2016). *Sejarah Seni Silat Lintau Asli*. Perak Darul Ridzuan. Wannura Kmapus.

Tuan Ismail Tuan Soh. (1991). *Seni Silat Melayu dengan tumpuan kepada Seni Silat Sekebun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Shaikh Awab Nigel Sutton. (2007). *Silat Tua: The Malay Dance of Life*. Kuala Lumpur: Percetakan Tatt Sdn Bhd

<https://kesenian-sunda.blogspot.my/2014/05/kesenian-pencak-silat.html>

<http://noraaniza.blogspot.my/2011/10/seni-silat-melayu.html>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Silat>

<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20160923/283566629998622>

<http://asalsilat.blogspot.my/2015/04/asal-usul-silat.html>

[http://eprints.usm.my/6314/1/Perubahan Peranan Dan Fungsi Institusi.pdf](http://eprints.usm.my/6314/1/Perubahan_Peranan_Dan_Fungsi_Institusi.pdf)

[http://www.slideshare.net/puterifasya/rencana-memartabatkan warisan melayui](http://www.slideshare.net/puterifasya/rencana-memartabatkan-warisan-melayui)

<http://pencaksilat.wordpress.com/2007/07/19/tari-ibing-pencak-silat/>

<http://www.mail-archive.com/silatindonesia@yahoogroups.com/msg05213.html>

<http://saefullohlipana.ngeblogs.com/2009/11/25/sejarah-ikatan-pencak-silat-indonesia-ipsi/>

Reçu CLT CIH ITH  
Le 11 AVR. 2018  
N° 0223



**JABATAN WARISAN NEGARA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

**WARISAN KEBANGSAAN**



Sumber: Jabatan Warisan Negara

**KATEGORI : OBJEK WARISAN**  
**JENIS : WARISAN TIDAK KETARA**  
**OBJEK WARISAN : SENI PERSILATAN MELAYU / SILAT**

## PENGENALAN

Masyarakat Melayu sememangnya masyarakat yang kaya dengan pelbagai warisan dan kebudayaan yang sangat menarik dan unik. Salah satu warisan seni yang menjadi simbolisme orang Melayu itu ialah seni Silat. Silat ialah ilmu seni mempertahankan diri dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman silam lagi. Seni Silat juga dikatakan sebagai ilmu yang penting untuk digunakan dalam peperangan.

Banyak komuniti yang bertanggungjawab memelihara warisan Seni Persilatan Melayu merangkumi 14 negeri seluruh Malaysia. Terdapat 548 persatuan komuniti pengamal Silat yang bergerak aktif di Malaysia. Secara umumnya, komuniti-komuniti ini diselaraskan oleh dua badan induk yang besar menurut pilihan komuniti-komuniti tersebut. Dua badan induk tersebut adalah Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) dan Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM). Tinjauan aktiviti menunjukkan PESAKA banyak menjalankan aktiviti berbentuk pembangunan sukan manakala DSSM pula menjurus kepada kesenian kebudayaan dan rekreasi. Kedua-dua persatuan ini sangat aktif menjalankan pelbagai aktiviti dalam usaha memelihara dan memartabatkan Silat.

Setiap bangsa mempunyai ilmu seni mempertahankan diri atau seni bela dirinya yang tersendiri. Bagi masyarakat Melayu kesenian bela diri mereka ini lebih dikenali sebagai Silat, contohnya Gayang Lima, Gayung, Pulut, Bunga, Harimau, Sendi Naga, Cimande, Cekak, Kunta, Hamboran dan sebagainya adalah antara nama-nama besar perguruan Silat yang terdapat di Malaysia. Menurut tradisi lisan masyarakat Melayu Silat juga dikatakan berasal daripada perkataan pinjaman dari bahasa Arab iaitu *Silah*. *Silah* yang dimaknakan sebagai Silat dengan mengambil contoh perkataan lain pinjaman bahasa Arab antaranya ialah seperti 'karamah' dimaknakan dengan 'keramat' dan 'hikmah' dimaknakan dengan 'hikmat' maka begitu jugalah '*Silah*' dimaknakan dengan '*Silat*'. Melalui tradisi lisan, definisi Silat ini telah memberi makna bahawa Silat itu adalah berteraskan tunjang agama Islam sebagai sumber, setiap pengamal Silat di Malaysia adalah beragama Islam. Penggunaan bahasa Arab menjadi tautan yang rapat dalam jiwa dan minda orang Melayu yang menganut agama Islam. Islam dan Melayu adalah elemen yang disinonimkan dalam setiap gerak kehidupan orang Melayu itu sendiri. Oleh itu,



penggunaan pinjaman kata dari bahasa Arab ini secara tidak langsung menjadi sandaran utama dalam menghuraikan falsafah budaya dan kesenian masyarakat Melayu itu sendiri. Silat itu silah dan diertikan sebagai perhubungan. Makna perhubungan itu merangkumi aspek perhubungan antara manusia dengan manusia, manusia dengan musuh manusia, manusia dengan alam semulajadi sehinggalah pencarian makna Silat itu bertemu dan mencapai makna spiritual iaitu perhubungan antara manusia dengan penciptanya (Mokhtar Abd Razak, Gayang Lima 2018).

Sebelum perkataan Silat digunakan, seni bela diri orang Melayu dikenali sebagai ilmu perang, ilmu hulubalang, ilmu perajurit atau ilmu gagah berani yang menjadi pakaian pahlawan didalamnya mengandungi rahsia ilmu seni Melayu tardisi (Anuar Abd. Wahab, 2008: 15). Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2011), mentakrifkan bahawa perkataan “seni” sebagai karya indah yang dicipta. Manakala seni Silat Melayu pula adalah sejenis ilmu membela diri yang diakui sebagai hak asli kepunyaan Melayu (Tuan Ismail, 1991:1).

Perkataan Silat juga dipercayai adalah gabungan dua suku kata iaitu ‘*Si*’ dan ‘*Elat*’. ‘*Si*’ ialah gelaran atau ganti diri kepada orang yang melakukan sesuatu pekerjaan, atau sifat fizikal seperti *Si* Tukang, *Si* Penipu, atau *Si* Putih. Manakala ‘*Elat*’ pula bermakna helah, tipu daya, muslihat atau memperdayakan (Tuan Ismail Tuan Soh, 1996:16). Secara khususnya Silat ialah seni bela diri orang Melayu. Bersilat pula ialah orang yang mempamerkan, berlatih Silat dan bermain Silat. Menyilat atau menyilap bererti perbuatan mengelakkan, memperdayakan atau menyambut serangan yang disertakan dengan serang balas.

Kesimpulannya, seni Silat ini bermaksud teknik yang terdapat dalam Silat dan diperhalusi serta diperkemaskan dengan gerak geri yang terdapat di dalamnya. Segala yang kelihatan merupakan gerak tari dengan muzik silat yang mengiringinya serta tidak melanggar adat sopan, tari dan langkah yang terdapat dalam seni Silat itu tersendiri. (Abd. Rahman, 2008:15)

## SEJARAH AWAL KESENIAN PERSILATAN MELAYU

Silat adalah seni pertahanan diri yang hidup dan berakar dari kepulauan Melayu. Silat telah dikesan pada awal Kerajaan Langkasuka (abad ke-2) sehingga pemerintahan era Melaka (Malaysia) Kesultanan (abad ke-13). Silat kini terlibat menjadi sebahagian daripada budaya dan tradisi sosial dengan kemunculan latihan fizikal dan rohani yang baik. Terdapat banyak gerakan Silat yang diilhamkan oleh pergerakan anatomi manusia, alam semula jadi tumbuhan dan haiwan di mana perguruan Silat itu akan diketahui, misalnya Silat Harimau (*Tiger*) yang adalah penghayatan pada pergerakan harimau yang telah secara kreatif membentuk seni pertahanan diri dengan menyerang dan meniru aksi harimau di tangan, kaki dan pergerakan tubuh yang lain. Tiruan dalam gerakan *rythemic* yang sebenarnya menyebarkan seni Silat tertentu.

Penemuan tinggalan sejarah di Candi Borobudur dan Candi Prambanan di Jawa membuktikan seni silat mula wujud di Kepulauan Melayu pada abad ke-8 Masihi. Seni silat ini bermula di Kepulauan Riau dan kemudiannya berkembang ke Minangkabau, Sumatera. Di Sumatera, seni ini dikenali sebagai Pencak Silat. Ilmu silat ini pernah digunakan oleh Kerajaan Srivijaya, iaitu pada abad ke-7 hingga abad ke-14 bagi tujuan meluaskan empayarnya. Mereka yang mempelajari ilmu silat dipanggil pesilat.

Pencak Silat atau Silat adalah suatu seni beladiri tradisional asli dari kepulauan Melayu yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Filipina dan Selatan Thailand sesuai dengan penyebaran berbagai suku bangsa Nusantara (Melayu). Ada yang menganggarkan seni ini telah berusia beratus-ratus tahun dan diperturunkan daripada generasi kepada generasi. Dikenali luas ke serata pelusuk dunia. Sekarang di negara Asia Tenggara sudah memiliki aliran atau perguruan tersendiri.

Seterusnya, seni silat telah berkembang luas meliputi dunia Melayu yang dilingkungi disiplin sejarah dan lingusitiknya (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991). Menurut Tate, perkataan Melayu ialah merujuk kepada orang Melayu sebagai satu kaum yang bertutur dalam bahasa Melayu dan orang-orang yang mempunyai sifat atau asas keturunan Melayu yang menduduki daerah Asia Tenggara, Kawasan Laut Teduh, iaitu dari *Ester Island* di sebelah timur hingga ke pulau Madagaskar di

sebelah barat Negara Vietnam, Laos, Kampucia, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Malaysia (Anuar Abd Wahab, 2008). Di Malaysia pula, orang Melayu ialah mereka yang bertutur bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu dan beragama Islam (Anuar Abd Wahab, 2008).

Malahan, seni Silat Melayu juga dikatakan sejenis ilmu membela diri yang diakui umum sebagai hak asli kepunyaan Melayu (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991). Melalui seni silat ini, ianya bukan sahaja mengutamakan unsur persilatan malah mementingkan unsur kesenian dan peradaban Melayu sebagai pelengkap yang tidak dapat dipisahkan. Manakala, Melayu pula ialah bukan sekadar dalam konteks Melayu di Malaysia sahaja, malah meliputi dunia Melayu dengan lebih luas termasuk dalam lingkungan disiplin sejarah dan linguistik (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991).

Definisi Silat itu juga diertikan sebagai sejenis permainan, olahraga atau sukan yang menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri. Ianya juga dikenali sebagai sejenis permainan tradisi rakyat yang menjadikan silat sebagai ilmu hulubalang, ilmu seni perang dan juga ilmu perajurit (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991). Sejarah Silat juga secara langsungnya selari dengan perkembangan tamadun Kerajaan Melayu tradisi di mana angkatan pertahanan Negara dianggotai oleh orang perang yang mahir bersilat. Kisah tentang kehebatan wira dan wirawati yang menjadi pemimpin perang memang tercatat dalam kebanyakan sastera melayu tradisi seperti Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Panji Melayu (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991).

Dalam konteks ini, dalam mempelajari seni Silat ini, telah dikatakan mencapai kemuncaknya apabila terdapatnya penggunaan senjata. Antara senjata Melayu lama yang sering digunakan oleh pesilat ketika bersilat antaranya keris, badik, kerambit, parang, pedang, parang lading, tumbuk lada, tekpi, tongkat, tembong dan sundang. Bagi Silat yang tidak menggunakan senjata, pengajaran tertumpu kepada pertempuran tangan kosong.

Seterusnya, dari Minangkabau ilmu persilatan ini terus berkembang ke negeri Melaka. Seni Silat ini berkembang pula melalui kesusasteraan rakyat jelata dan seterusnya menjadi suatu kesenian dalam sastera rakyat. Sebagai contohnya, Laksamana Hang Tuah dikatakan mempelajari ilmu Silat daripada Sang Adi Putera di Gunung Ledang dan Sang Persanta Nala di Pulau Jawa, Majapahit.

Pada zaman dahulu, boleh dilihat bahawa hampir semua orang mengamalkan silat tetapi hanya yang benar-benar hebat dan layak digelar pendekar atau pahlawan. Bahkan, keistimewaan ilmu silat ini lebih mengutamakan pada seseorang yang mempunyai keutuhan akhlak dan berhemah tinggi sahaja mampu mencapai tahap untuk dikenali sebagai pendekar dan hulubalang. Ilmu persilatan mempunyai nilai tersendiri sejak dari zaman dahulu dan ianya tetap kekal hingga kini.

Malahan, golongan masyarakat Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan menyebut perkataan "Silat" berbanding masyarakat Melayu yang tinggal di Jawa, biasanya mereka menyebut "pencak silat" dan bersemangat nasionalisme dengan menyebut "Pencak Silat Indonesia". Malahan menurut Oyong Karmayuda S.H dalam artikelnya "Pencak Silat: Rumpun Melayu dan Perkembangannya"

*"Pencak adalah kemampuan untuk mempertahankan diri yang terapkan dengan teknik, daya gerak, sasaran dan tujuan penggunaanya. Manakala "Silat" untuk mempertahankan diri dengan menggunakan pergerakan atau teknik" (Abd.Rahman Ismail, 2008: 17)*

Sebelum dikenali sebagai seni bela diri, ianya juga dikenali sebagai ilmu hulu balang, ilmu perajurit, atau ilmu gagah berani yang menjadi pakaian pahlawan yang didalamnya mengandungi rahsia ilmu seni perang Melayu tradisi di mana kaedah mengenai ilmu seni bela diri atau seni mempertahankan diri merupakan sebahagian daripadanya (Anuar Abd Wahab, 2008).

## HUBUNGAN SILAT DENGAN ISTANA

Semenjak penjajahan Tanah Melayu, Silat telah terpinggir daripada istana. Para guru Silat yang terdiri daripada bekas pahlawan atau orang perang raja meneruskan perjuangannya dan mewujudkan institusi pendidikan seni persilatatan Melayu serta memperturunkan ilmu Silat dari generasi ke generasi.

Silat Melayu pada asalnya didominasi oleh pahlawan-pahlawan semenjak dari zaman Kerajaan Langkasuka dan zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Mereka adalah pejuang dan penegak keadilan dalam institusi ketenteraan dan pertahanan negara.

Guru yang dipercayai mempunyai kemahiran dan pengetahuan Silat Melayu. Kedudukan seorang guru dalam Silat Melayu sangat dihormati dan menjadi rujukan dalam penyampaian ilmu Silat Melayu bahkan guru adalah salah seorang pemimpin masyarakat. Contoh individu tokoh guru Silat ialah "Sir Awang Daik" dengan kesultanan Johor, beliau merupakan pengawal peribadi Sultan antara bukti bahawa Silat mempunyai peranan yang penting dengan istana meskipun beliau didalam era pos kolonial, Guru Silat secara tradisi masih mempunyai kedudukan yang tinggi kerana mempunyai keperibadian yang mulia, Hubungan beliau sangat akrab dengan Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor kedua sehingga beliau dilantik menjadi hakim. Dengan adanya penulisan ini peranan guru silat dan hubungannya dengan Istana seharusnya diberi perhatian semula kerana warisan budaya silat ini adalah penyokong sebenar intitusi raja secara tradisi.

Pengorbanan guru Silat terdahulu mewujudkan institusi pendidikan tidak formal walaupun cabaran getir pada zaman sebelum kemerdekaan tanah melayu seharusnya dikenang. Silat Melayu masih berjaya di perturunkan dari generasi ke generasi dan faktor penjajahan suatu masa dahulu telah menyebabkan pembelajaran Silat dirahsiakan dan dilakukan ditempat terpencil yang tidak diketahui umum. Sistem pembelajaran tidak formal tetap diteruskan oleh pengamal Silat bermula dari dalam rumah hingga gua, bukit, hutan, sungai dan sebagainya. Ruang tersebut dijadikan ruang belajar yang menuntut supaya jauh dari orang ramai. Faktor keselamatan adalah usaha pengamal Silat terdahulu untuk memelihara elemen kerahsiaan yang terdapat dalam ilmu Silat melayu. Ilmu Silat yang pada dasarnya boleh digunakan sebagai ilmu perang menyebabkan mereka kluatir ianya dapat

dihidu dan diketahui penjajah ketika itu. Selepas kemerdekaan, kini Silat Melayu telah dipraktikkan kepada umum. Pengamal yang melibatkan guru, Jurukaka dan murid tanpa mengira jantina, bangsa, dan latar belakang pendidikan. Kegiatan Silat kini bukan sahaja aktif dalam kalangan masyarakat Melayu di kampung dan gelanggang kecil, malah turut diterima sebagai sebahagian daripada aktiviti kemajuan kokurikulum di sekolah, maktab perguruan, Universiti dan juga kelab-kelab rekreasi dan turut menjadi sukan di jabatan kerajaan dan swasta.

Kini Silat telah menarik perhatian agensi swasta dan kerajaan kerana Silat berjaya melahirkan insan mulia atau insan beradab yang sering dilihat sejajar dengan matlamat agensi. Prinsip Rukun Negara Malaysia juga sebenarnya adalah berdasarkan falsafah yang terdapat didalam pembelajaran Silat. Hari ini amalan silat di Malaysia dipupuk dengan penuh rasa Merdeka. Aktiviti PESAKA dan DSSM sememangnya menyokong dasar kerajaan berasaskan prinsip rukun negara tersebut. Kerajaan Malaysia hari ini membantu golongan pengamal silat dengan menyediakan prasarana seperti gelanggang, bantuan kewangan, peralatan, elaun jurulatih supaya Silat dapat terus diperluaskan dan tidak lagi dipinggirkan.

Silat telah dipelihara dan dilindungi di bawah PESAKA dan DSSM termasuk agensi-agensinya kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan sebagainya. Proses pengumpulan maklumat juga dilakukan melalui aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh PESAKA dan DSSM. Semua maklumat yang diperolehi akan diselaraskan dan dikemaskini oleh JWN.

## **FUNGSI DAN PERANAN DALAM SILAT**

Silat mencerminkan identiti Melayu sebagai contoh dalam pakaian Melayu tradisi, alat-alat muzik dan adat istiadat yang masih dipakai dalam majlis rasmi Di-Raja. Gelaran seperti Panglima, Datuk dan lain-lain gelaran memperlihatkan budaya Melayu masih kekal dalam institusi Melayu moden. Silat juga menjadi medium interaksi sosial masyarakat di Malaysia contohnya Silat sering menjadi acara penting semasa majlis perkahwinan orang Melayu, acara pembukaan majlis dan majlis rasmi kerajaan Malaysia seperti peristiwa pertabalan dan juga peristiwa kemangkatan. Elemen Silat juga diangkat sebagai seni persembahan dalam pertunjukan pentas seperti teater bangsawan Mek Mulong, Randai, Menora dan Mak Yong.

Silat mengajar pengamalnya untuk mencapai tujuan hidup yang lebih bermakna dengan melakukan kebajikan dan menjauhkan diri daripada segala sifat tercela yang boleh memudaratkan diri dan masyarakat. Dalam aspek rohani dan jasmani Silat bukan sahaja menjadi seni tradisi rakyat tetapi kini terus berkembang menjadi sukan di peringkat antarabangsa dan sangat diminati oleh generasi muda.

Melalui Silat pendidikan asas mengukuhkan sosio-budaya Melayu diterapkan. Silat dilihat berjaya melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara, bersatu padu, saling hormat menghormati dan disiplin diri yang tinggi. Amalan Silat mengandungi unsur-unsur agama, bahasa, adat resam, kesenian dan sejarah yang diwarisi dari satu generasi ke generasi. Gabungan unsur-unsur ini telah menjadikan Silat sebagai teras jati diri bangsa Melayu.

## **SENI PERSEMBAHAN SILAT - BUAH DAN BUNGA**

Kaedah gerak Silat yang didasari oleh unsur alam dan Manusia. Kefalsafahan teknik silat menuntut penghayatan seorang pengamal silat untuk menguasai kekuatan fizikal dan spiritual menuju kepada hubungan manusia dengan tuhan. Motif gerakan Silat umumnya terbahagi kepada dua method utama yang dikenali sebagai buah dan bunga.

Kaedah Buah Silat dikumpulkan oleh pengasas-pengasas Silat dan diberikan nama. Kemudian disusun dalam sistem pembelajaran mengikut peringkat. Murid dikehendaki menghafal kesemua buah ini berdasarkan peringkat yang akan diuji dan

dibezakan dengan jenis tingkatan sehinggalah tamat pengajian. Sistem pembelajaran ini diulang oleh guru-guru Silat dalam setiap gelanggang yang telah dibuka. Kaedah Buah adalah motif gerakan yang dilatih untuk digunakan didalam situasi peperangan. Pembelajaran mengenai method buah adalah penyusaian untuk menghadapi situasi sebenar peperangan kaedah buah adalah gerakan yang disusun dari atas kebawah. Ianya dinamakan sebagai buah kerana sempena penghayatan terhadap alam semulajadi bagi orang melayu dengan nilai persekitarannya diabadikan nama buah itu sempena kejadian sifat buah yang hidup bergerak dari atas ke bawah begitu juga dengan kaedah bunga adalah penghayatan gerakan yang disusun dari bawah keatas seperti kejadian bunga.

Kaedah bunga adalah kreativiti bagi penyesuaian untuk digunakan dalam pertunjukan seni persembahan seperti teater tarian dan sebagainya. Contohnya majlis menyambut pengantin atau acara-acara pembukaan majlis. Namun begitu kaedah bunga juga mampu digunakan dalam situasi peperangan sebenar kerana helah dan strategi unik yang terdapat dalam kaedah bunga relevan untuk digunapakai. Teknik bunga biasanya memberi ketandaan keraian bagi sesuatu majlis secara keseluruhannya, dari kedua kaedah buah dan bunga ini maka jelaslah bahawa Silat ini sememangnya mempunyai pelbagai bentuk dan gaya yang boleh diinovasikan. Keasliannya dan geraknya diabadikan dengan dipelajari dan diwariskan secara turun-temurun. Jika tidak dipelihara ianya akan pupus dan hanya dikenali melalui tulisan dan gambar sahaja.

Dalam mempelajari ilmu Silat, terdapat bunga silat yang diaplikasikan. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah tentang kepentingan bunga silat iaitu;

*Maka titah Seri Bentara, "Menari apalah Kiai Tuah. Inginlah kita hendak melihatmu menari." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika, ini menari cara hulubalanglah." (Hikayat Hang Tuah, 1971:126)*

Melalui petikan yang terdapat dalam Karya Agung Hikayat Hang Tuah ini, dapatlah disimpulkan bahawa gerakan Silat bukanlah tari-menari semata-mata tetapi mengandungi rahsia tersembunyi yang mempunyai simbol atau lambang serta mesej yang tersendiri untuk menyampaikan sesuatu dalam seni Silat itu sendiri. Dalam konteks ini, secara asasnya susunan pembelajaran Silat dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bunga dan buah. Bunga dikatakan sebagai pengenalan sesebuah Silat, dan dipanggil Bunga Sembah. Adakalanya bunga dimainkan pada majlis



keriaan seperti perkahwinan dan hari-hari kebesaran. Ia merupakan identiti kepada sesebuah persilatan.

Kaedah ini dimurnikan dengan elemen muzik iringan. Muzik adakalanya digunakan bagi mengiringi permainan Silat. Dalam majlis persilatan seperti pertauliahahan pesilat, pertunjukan mahupun persembahan Silat kepada para kenamaan. Muzik yang mengiringi persembahan Silat akan menaikkan semangat juang pesilat untuk lebih fokus dan berani. Terdapat pelbagai peralatan muzik Silat yang terdiri daripada gendang Silat, serunai, gong dan sebagainya mengikut disiplin perguruan. Muzik yang mengiringi pesilat kadang-kala memainkan peranan untuk membimbing pesilat dalam menentukan gerakan dan langkah mengikut irama yang dimainkan. Walau bagaimanapun, ada masanya gerak pesilat akan menentukan irama muzik yang akan dimainkan oleh pemuzik. Suatu persefahaman diantara pesilat dan pemuzik biasanya terbentuk secara semulajadi. Kemahiran memainkan peralatan-peralatan ini biasanya diajar secara tidak formal dan diwarisi daripada pakar-pakar yang lain.

## PAKAIAN SILAT



Sumber: Jabatan Warisan Negara

Pakaian lengkap Silat menggambarkan busana tradisi warisan silam. Pakaian silat biasanya berbeza diantara satu perguruan dengan perguruan yang lain. Pakaian yang dipakai adalah baju Melayu berwarna hitam. Secara amnya, pakaian Silat terdiri daripada beberapa komponen seperti tengkolok, baju, seluar, tali pinggang atau bengkung dan capal. Pakaian bagi pesilat wanita biasanya diberi pilihan dengan memakai baju bertangan panjang hingga ke pergelangan tangan, seluar labuh hingga ke buku lali dan pemakaian tudung. Pemakaian Silat yang sopan menambah warna-warni dalam produk budaya seperti solekan busana tradisi.

## PERLINDUNGAN WARISAN SILAT

Akta Pertubuhan Seni mempertahankan diri 1976 (Akta 170) ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penubuhan majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri, bagi pendaftaran pertubuhan seni mempertahankan diri dan perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam Jadual Pertama, Seksyen 2, Jenis seni mempertahankan diri merangkumi;

- i. Wu Shu Orang Cina -
  - a. hsing-i
  - b. pa-kua
  - c. pai-hao
  - d. shaolin
  - e. tang lang
  - f. tai chi chiuan
  - g. pok khik
  - h. wu chu
  - i. kung fu
- ii. Orang Jepun -
  - a. karate-do
  - b. judo
  - c. jujutsu
  - d. kendo
  - e. lai-do
  - f. aiki-do
  - g. jodo
- iii. Orang Korea -
  - a. taekwan-do
  - b. tangsu-do
- iv. **Orang Melayu -**
  - a. **Semua jenis silat**
- v. Orang Indonesia -
  - a. Pentjak-silat
- vi. Orang Thai -
  - a. Toi-muay
- vii. Orang India -
  - a. Selamban

## ASPEK SPIRITUAL



Sumber: Jabatan Warisan Negara

Aspek spiritual merupakan aspek yang berkenaan keperibadian seseorang pesilat. Silat dikatakan dapat membangunkan dan mengembangkan keperibadian dan karakter mulia seseorang pesilat.

## ASPEK SENI BUDAYA



Sumber: Jabatan Warisan Negara

Aspek seni budaya merangkumi bentuk seni tarian Silat, muzik dan pakaian tradisional. Muzik merupakan satu elemen misteri dalam silat. Biasanya, seni Silat akan menggunakan serunai dan gendang. Alat muzik ini boleh menyebabkan seseorang pesilat 'naik serbu' apabila dimainkan. Kemahuan dalaman akan memaksa mereka untuk membuka sembah bagi memulakan pencaknya. Pakaian tradisional Silat pula amat penting di dalam gelanggang kerana melambangkan identiti pesilat. Setiap pakaian mempunyai ketandaan dan kedudukan tahap pesilat itu sendiri. Hal ini menunjukkan tahap ilmu yang dicapai oleh seseorang pesilat.

## ASPEK BELA DIRI



Sumber: Jabatan Warisan Negara

Aspek bela diri dalam ilmu Silat bertujuan dipelajari untuk mempertahankan diri, bukan untuk menyerang atau menakut-nakutkan orang tertentu. Dalam hal ini kepercayaan dan ketekunan diri sangat penting dalam menguasai ilmu bela diri. Tujuannya adalah untuk ke arah kebaikan dan menjaga keselamatan diri.

## ASPEK OLAHRAGA



Sumber: PESAKA

Aspek olahraga pula ialah aspek penggunaan Silat pada hari ini yang mengetengahkan dan mengangkat budaya Silat di dalam sukan. Aspek olahraga juga, merupakan satu cara menzahirkan ilmu seni Silat secara fizikal dan menjadi benteng untuk menjaga keselamatan diri sendiri. Silat telah disesuaikan dalam diri masyarakat pada hari ini dalam konteks pemikiran dalam aspek olahraga yang meliputi pertandingan dan demonstrasi pelbagai bentuk-bentuk jurus. Aspek olahraga inilah yang membuatkan Silat terkenal di Eropah dan Malaysia mempunyai tokoh dalam Silat olahraga iaitu Ruzaidi bin Abdul Rahman yang pernah merangkul dan mempunyai 6 kali gelaran juara diperingkat dalam dan luar negara. Beliau juga pernah merangkul anugerah naib Olahragawan Selangor dan finalis Olahragawan Malaysia masing-masing pada tahun 1990. Pencapaian tertinggi beliau adalah semasa mendapat anugerah *"The Best Martial Arts Instructor of The Year"* daripada *World Head of Family Sokeship Council* di Florida pada tahun 2005. Tokoh Silat ini

bukan sahaja memperkenalkan Silat dalam acara sukan diperingkat dunia malahan turut mengembangkan Silat melalui drama dan filem.

Jelaslah bahawa melalui aspek olahraga yang mendasari kesenian Silat ini dan memberikan perlambangan dan gerak tari yang cukup indah dan memberikan kesan yang mendalam kepada pelakunya. Aspek spiritual, budaya, bela diri dan olahraga menjadikan gerak tari Silat ini bermakna dan memberikan ketahanan fizikal dan mental yang cukup baik pada seseorang pesilat.

## TINGKAT KEMAHIRAN



Sumber: PESAKA

Dalam seni Silat, terdapat beberapa tingkat atau tahap yang mesti dipelajari oleh seseorang pesilat. Tingkat-tingkat ini yang menjadi kayu ukuran untuk menentukan tahap ilmu Silat yang dimiliki oleh seseorang. Ukuran ini juga menentukan kedudukan dan jenis-jenis latihan yang akan dipelajari dan dikuasai.

Dalam konteks ini, tingkat pertama dipanggil tingkat pemula. Pada tahap ini, pesilat akan diajar perkara asas seperti teknik kuda-kuda, tendangan, pukulan,



tangkisan, elakan, tangkapan, bantingan, olah tubuh dan jurus dasar. Ianya merupakan asas seni Silat itu sendiri.

Manakala tingkat kedua pula ialah tingkat menengah. Pada tahap ini, pesilat lebih difokuskan kepada aplikasi semua gerakan dasar, pemahaman, dan variasi. Di sini juga minat dan bakat pesilat mula terlihat. Seterusnya, pesilat ini akan disalurkan kepada cabang masing-masing iaitu cabang olahraga dan seni budaya.

Seterusnya, tahap yang ketiga dikenali sebagai tahap pelatih. Berdasarkan pengalaman di tahap pemula dan menengah, mereka kemudiannya akan diberikan teknik-teknik bela diri perguruan. Teknik ini hanya diberikan kepada orang yang boleh dipercayai dan menggunakan ilmu ini dengan baik. Hal ini demikian kerana, teknik bela diri ini biasanya melibatkan teknik tempur yang sangat efektif untuk melemahkan lawan.

Akhir sekali, pada tahap yang tertinggi dikenali sebagai pendekar. Pendekar merupakan pesilat yang sudah mahir dan mempunyai ilmu persilatan yang tinggi. Mereka juga bakal mewarisi ilmu-ilmu rahsia tingkat tertinggi. Pada tahap ini, ilmu seni Silat seseorang pesilat itu sememangnya sudah menjadi seorang pendekar dan guru yang kaya dengan ilmu persilatan itu sendiri. Pada tahap ini, ianya dianggap mempunyai kepakaran yang cukup tinggi pada seseorang pesilat dan mampu berjasa pada masyarakat.

## **SENARAI UTAMA PERSATUAN / PERTUBUHAN KONSORTIUM BERDAFTAR**

### **1. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)**

**PPS:0610/98**

Suite 1-57, Jalan Prima SG 3/1,

Prima Sri Gombak,

68100 Gombak,

Selangor Darul Ehsan

Tel : +6012 6859 523 / 603 6186 8303

Faks : +603 6187 8303

E-mail : [pesakamalaysia@yahoo.com](mailto:pesakamalaysia@yahoo.com)

Website : [www.pesakamalaysia.org.my](http://www.pesakamalaysia.org.my)

### **2. Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM)**

**PPM-017-06-29102013**

No. 11, Lorong 3, Peramu Maju

26060, Kuantan

Pahang Darul Makmur

Tel : +6019 527 4145 / 6012 248 5364

Email : [duniasenisilatmelayu@gmail.com](mailto:duniasenisilatmelayu@gmail.com)

Website : [www.duniasenisilatmelayu.blogspot.com](http://www.duniasenisilatmelayu.blogspot.com)

**\*Senarai Taburan Persatuan Silat di Malaysia di bawah PESAKA dan DSSM seperti dalam Lampiran A dan B.**

## USAHA MEMELIHARA KESENIAN SILAT MELAYU

Dalam merealisasikan dan memelihara seni warisan persilatan Melayu ini serta usaha memartabatkan budaya warisan Melayu ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan mahupun swasta. Usaha-usaha yang dilakukan ini merupakan satu hasrat murni yang direncanakan untuk menjadikan kesenian silat Melayu tetap gah dan dikenali oleh generasi muda pada masa kini. Malahan, institusi pengajian tinggi di Negara seperti Universiti Malaya, Institut Peradaban Melayu UPSI dan sebagainya juga turut menganjurkan seminar dalam memperkasakan seni Silat Melayu ini agar terus dikenali bak kata pepatah” ***tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas***”.

Terdapat beberapa orang tokoh yang juga merupakan tokoh silat yang cukup tersohor namanya iatu Tuan Haji Mokhtar Yahya juga turut dijemput berkongsi ilmu dalam beberapa seminar yang telah dijalankan. Dalam buku sejarah seni silat juga, menyatakan bahawa Laksamana Hang Tuah merupakan seorang tokoh lagenda yang dinobatkan dalam dunia persilatan ini. Persilatan Melayu sememangnya salah satu seni mempertahankan diri yang padat dan sarat dengan nilai-nilai seni serta estetikanya yang tersendiri.

Bahkan, dalam usaha mempromosikan keunikan dan kehebatan yang dimiliki oleh bangsa Melayu dan kesenian Melayu ini ke persada dan peradaban dunia, tempat-tempat pelancongan yang terdapat di Malaysia yang dipelopori oleh lagenda Negara dipelihara seperti perigi Hang Tuah di Melaka, lanya menjadi lambang kebanggaan Negara kerana memiliki sejarah berkurun lamanya. Malahan, kesemua mercu tanda warisan bangsa Melayu telah disatukan di Perkampungan Hang Tuah. Hasrat ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang asal usul sejarah dan keunggulan bangsa Melayu.

Usaha-usaha yang dilakukan ini merupakan satu wacana yang bertujuan untuk mengetengahkan serta memberikan pengetahuan kepada generasi muda, masyarakat serta para pelancong bangsa Melayu merupakan bangsa yang cukup hebat dengan pelbagai cabang kesenian yang sangat indah, halus dan santun.

## **KESIMPULAN**

Seni persilatan ini merupakan seni bela diri yang menjadi warisan budaya Melayu yang sangat indah, menarik dan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Silat Melayu merupakan seni mempertahankan diri yang mempunyai nilai-nilai seni serta estetikanya. Nilai-nilai kesenian dan estetika Melayu ini menjadi salah satu warisan peninggalan nenek moyang yang telah wujud beribu tahun dahulu yang perlu dipelihara. Melalui pemeliharaan seni Silat Melayu yang agung ini, secara tidak langsung ianya dapat mempamerkan kesenian dan kehalusan seni persilatan Melayu di mata dunia. Malahan, usaha-usaha yang dijalankan ini juga menjadikan ianya aset yang sangat berharga dan menjadi lambang kewujudan masyarakat Melayu yang terdahulu lebih agung berbanding masyarakat lain.

Seni Silat ini juga sebenarnya bukan seni mempertahankan diri semata-mata, tetapi ianya merupakan satu cara untuk kita belajar mendekati diri kepada Allah, sentiasa belajar menghargai hubungan sesama manusia dan belajar mengenai kehidupan, memupuk dan menyemai aspek mengutamakan disiplin diri. Bahkan, melalui Silat juga ianya dapat menyihatkan tubuh badan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kebijaksanaan otak dan anggota badan lain serta dapat membentuk keyakinan diri yang tinggi.

## **JUSTIFIKASI BERDASARKAN AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645):**

- i. Seksyen 67(2)(d) – hubungan sosial atau kebudayaan;
- ii. Seksyen 67(2)(e) – potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- iii. Seksyen 67(2)(f) – kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;

## BIBLIOGRAFI

- Abd Rahman Ismail. (2008). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff, Z. (2012). *Revisiting Pencak Silat: The Malay Martial Arts in Theatre Practices and Actor Training*. *Asian Theatre Journal*, 379-401.
- Abdullah, A. (2004). *Gayong Amerika: A Brief History*. *Seminar Pewaris Gayong*. Gombak. Kuala Lumpur: PSSGM.
- Abd Rahman Ismail. (2009). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ahmad, A., & Mazlan, N. H. (2011). *Substance Abuse and Personality disorders in relation to aggression among Malaysian Juvenile Offenders*. *Malaysian Journal of Paediatrics and Child Health*.
- Anuar Abd Wahab. (1988). *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka .
- Anuar Abd Wahab. (1992). *Teknik dalam Seni Silat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat, Sejarah Perkembangan Silat Melayu Tradisi dan Pembentukan Silat Malaysia Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat, Seni Gayung Fatani*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Donn F. Draeger (1992). *Weapons and fighting arts of Indonesia*. Rutland, Vt.: Charles E. Tuttle Co. ISBN 978-0-8048-1716-5.
- Haji Mokhtar Haji Yahya. (1985). *Silat Melayu Melaka*. Melaka: Penerbitan Alambaca Sdn Bhd Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2011, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Megat Ainuddin Megat Mohd Nordin. (2005). *Panduan Senaman Silat Melayu Asli*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.
- O'Ong Maryono. (2002). *Pencak Silat in the Indonesian archipelago*. Yayasan Galang.

Quintin Chambers and Donn F. Draeger. (1979). *Javanese Silat: The Fighting Art of Perisai Diri*. ISBN 0-87011-353-4.

Sheikh Shamsuddin. (2005). *The Malay Art Of Self-defense: Silat Seni Gayong*. United States of America: North Atlantic Books.

Suffian Mansur. (2017) Mardiana binti Nordin etl, *Sejarah Tingkatan 2 KSSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sifu Rozli bin Ali. (2016). *Sejarah Seni Silat Lintau Asli*. Perak Darul Ridzuan. Wannura Kmapus.

Tuan Ismail Tuan Soh. (1991). *Seni Silat Melayu dengan tumpuan kepada Seni Silat Sekebun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Shaikh Awab Nigel Sutton. (2007). *Silat Tua: The Malay Dance of Life*. Kuala Lumpur: Percetakan Tatt Sdn Bhd.

Majalah Seni Bela Diri September 2014

Majalah Seni Bela Diri April 2014

## **SUMBER LAIN**

1. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)
2. Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM)

## **SUMBER INTERNET (LAMAN WEB)**

<https://kesenian-sunda.blogspot.my/2014/05/kesenian-pencak-silat.html>

<http://noraaniza.blogspot.my/2011/10/seni-silat-melayu.html>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Silat>

<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20160923/283566629998622>

<http://asalsilat.blogspot.my/2015/04/asal-usul-silat.html>

[http://eprints.usm.my/6314/1/Perubahan Peranan Dan Fungsi Institusi.pdf](http://eprints.usm.my/6314/1/Perubahan_Peranan_Dan_Fungsi_Institusi.pdf)

[http://www.slideshare.net/puterifasya/rencana-memartabatkan warisan melayui](http://www.slideshare.net/puterifasya/rencana-memartabatkan-warisan-melayui)

<http://pencaksilat.wordpress.com/2007/07/19/tari-ibing-pencak-silat/>

<http://www.mail-archive.com/silatindonesia@yahoogroups.com/msg05213.html>

<http://saefullohlipana.ngeblogs.com/2009/11/25/sejarah-ikatan-pencak-silat-indonesia-ipsi/>